


Malam Apresiasi SULAM 2024: Penghargaan kepada Pelaksana SULAM UPSI

Tanjong Malim, 13 November - Karnival Service Learning University for Society (SULAM) UPSI 2024 telah melabuhkan tirai dengan jayanya melalui penganjuran Malam Apresiasi SULAM berlangsung di Dewan Muallim, Scholar's Suite, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Selari dengan objektif pelaksanaan Karnival SULAM UPSI 2024 untuk mengumpul dan menonjolkan projek-projek SULAM UPSI yang telah dijalankan oleh warga UPSI bersama komuniti sasaran melalui Showcase SULAM@UPSI yang telah berjaya menarik 71 penyertaan melibatkan 218 peserta dan lebih 300 orang, Malam Apresiasi SULAM dianjurkan bagi memberi pengiktirafan dan menyampaikan hadiah kepada pemenang Showcase SULAM@UPSI dan aktiviti SULAM yang telah dijalankan oleh Pusat Pembangunan Akademik (PPA) sepanjang tahun 2024.

Majlis menjadi lebih bermakna dengan kehadiran Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud yang sudi merasmikan majlis di hadapan 160 orang tetamu. Turut hadir bersama dalam majlis Malam Apresiasi SULAM adalah Naib Canselor UPSI, Prof. Dato' Md Amin Md Taff bersama barisan Timbalan Naib Canselor, ahli JKPU, Pengarah Pusat Pembangunan Akademik, wakil Bahagian Kecemerlangan Akademik Kementerian Tinggi, barisan juri, wakil komuniti, peserta Karnival SULAM UPSI 2024 yang terdiri daripada pensyarah dan pelajar. Pelbagai anugerah dan hadiah kemenangan daripada aktiviti SULAM UPSI 2024 telah disampaikan termasuk Anugerah Pencapaian SULAM Terbaik Fakulti yang diterima oleh Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), Fakulti Sains dan Matematik (FSM), Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK), Fakulti Muzik dan Seni Persembahan (FMSP), Fakulti Sains Sukan dan

Kejurulatihan (FSSK) dan Fakulti Teknikal dan Vokasional (FTV) manakala Anugerah Khas Komuniti dimenangi oleh SJK © Chung Sin Tanjong Malim dan Pusat Kesihatan Daerah Muallim. Hadiah kepada pemenang Showcase SULAM@UPSI, Poster Pilihan Showcase SULAM@UPSI dan Pertandingan Video SULAM Sesi 2023/2024 turut disampaikan dalam majlis yang sama.

Dalam ucapan perasmian YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud menyatakan penghargaan beliau atas komitmen UPSI dalam membina ekosistem kondusif untuk pembangunan warganya dan masyarakat setempat melalui projek-projek SULAM dan berharap agar warga akademik dan pelajar dapat terus memberikan komitmen dan dedikasi dalam memastikan kecemerlangan akademik sebagai teras utama dalam pendidikan tinggi di Malaysia. Beliau juga turut mengucapkan tahniah kepada UPSI atas kejayaan mendapat Naib Johan di Anugerah Khas YB Menteri Pendidikan Tinggi Reka Bentuk Kurikulum dan Pengajaran Inovatif 2024 (AKRI 2024) oleh Dr. Hamidah Idris yang juga merupakan projek SULAM yang dibawa dalam pertandingan tersebut.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Majlis Syarahan Budiman UPSI wadah perkongsian ilmu, iktiraf pencapaian akademik

Tanjong Malim, 13 November - Fakulti Sains dan Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus mengorak langkah bagi mengiktiraf pencapaian dan sumbangan akademik mereka dalam bidang kimia analisis melalui Majlis Syarahan Budiman hari ini. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPSI, Prof Dr. Abdul Rahim Razalli berkata, Majlis Syarahan Budiman Profesor Chemist Dr. Azlan Kamari merupakan satu wadah perkongsian ilmu

khususnya hasil-hasil kajian terkini beliau dalam bidang kimia analisis. “Majlis syarahan ini juga menjadi medium bagi menyebarkan ilmu yang berteraskan keserjanaan dan kecemerlangan akademik dengan ahli-ahli akademik, pelajar dan masyarakat setempat. “Perkongsian maklumat ini diharapkan dapat membantu pensyarah, pelajar dan masyarakat tempatan untuk mengetahui perkembangan dalam bidang kimia

analisis di UPSI dan mengaplikasikan dan memanfaatkan perkembangan bidang ini dalam pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian sempena Majlis Syarahan Budiman ‘Inovasi daripada Biopolimer Kitosan’ Profesor Chemist Dr. Azlan Kamari bertempat di Dewan Konvensyen, Bangunan E-Learning, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI.

Kursus Inspektorat dan Keselamatan Perlindungan Tingkatkan Tadbir Urus KESELAMATAN

Kuala Lumpur, 9 November - sBahagian Governan baru-baru ini telah menganjurkan Kursus Inspektorat dan Keselamatan Perlindungan khusus kepada Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ) dan Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan (PPKJ) selama tiga hari bermula 7 hingga 9 November 2024 bertempat di Tamu Hotel & Suites, Kuala Lumpur.

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan tadbir urus

keselamatan yang berkualiti di universiti, selain sebagai persediaan menjalani penarafan inspektorat oleh Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO). Kursus ini mengumpulkan PKJ iaitu Pendaftar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Helmi Zaifura Abdul Rahman dan PPKJ dari 57 Pusat Tanggungjawab (PTj) di UPSI yang dilantik bagi meningkatkan pemahaman dalam

bidang keselamatan perlindungan serta mematuhi prosedur keselamatan terkini yang ditetapkan oleh CGSO. Kursus ini disusun rapi dengan modul yang merangkumi dasar keselamatan perlindungan, pengurusan keselamatan fizikal, prosedur keselamatan perlindungan aset dan peribadi, serta teknik pengurusan dokumen dan maklumat rasmi.



Penyelidik UPSI Bangunkan Sistem Pengurusan Penyelidikan Bersepadu (MyRIMS)

Penggunaan teknologi digital pada masa kini telah mendorong setiap universiti untuk membangunkan sistem pengurusan data masing-masing. Begitu juga di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang mempunyai data yang banyak, antaranya data pencapaian dalam 4P iaitu penyelidikan, penerbitan, perundingan, inovasi dan pengkomersialan. Data-data ini terlalu banyak dan sukar diuruskan tanpa menggunakan sistem yang efektif. Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (Research Management Innovation Centre (RMIC) UPSI telah mengambil inisiatif melantik penyelidik di UPSI bagi menambahbaik pembangunan sistem yang komprehensif dalam pengurusan data berkaitan penyelidikan dan inovasi. Justeru, satu

geran penyelidikan yang bertajuk Pembangunan Inovasi Penambahbaikan Sistem MYRIMS UPSI telah diberikan kepada sekumpulan penyelidik UPSI yang diketuai oleh Dr. Noor Hidayah Binti Che Lah dan dibantu oleh ahli penyelidik bersama yang terdiri daripada Prof. Madya Dr. Aslina binti Saad, Dr Nor Masharah Binti Husain, En. Rasyidi bin Johan, En. Ahmad Dzohir bin Ariffin @ Maarof, En. Ammar Ashraf Bin Narul Akhla, Pn. Zuraida Binti Mahmood dan En. Amin Irfan Mohamad Suwarno. Geran penyelidikan ini merupakan satu usaha bagi meningkatkan keupayaan RIMS (Research Integrated Management System) yang sedia ada di UPSI melalui pembangunan dan penjenamaan semula kepada Research Integrated Management System (MyRIMS). MyRIMS yang telah

dibangunkan ini mempunyai fungsi-fungsi yang lebih efektif dalam membantu serta memudahkan para pensyarah dan pihak pengurusan RMIC UPSI mengurus dan mengemaskini data-data penyelidikan, penerbitan, perundingan, pengkomersialan, inovasi, kecemerlangan akademik, kewangan dan etika penyelidikan. Segala urusan dapat dilaksanakan dengan cepat dan mudah secara dalam talian. MyRIMS telah merangkumi pingat emas dalam pertandingan inovasi di Innozilla 2024 di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang dan memperoleh tiga hak cipta terpelihara daripada MyIPO serta merupakan sistem yang komprehensif dan mampu untuk diketengahkan bagi tujuan pengkomersialan.



Tanjong Malim

Perasmian Robolimpik Kem Robotik UPSI & World of Robotics Sdn Bhd dengan tajaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)



Tanjong Malim

Empowering Future-Ready Learners: UPSI Learns on Compassionate Pedagogy in Value-Based Education



Tanjong Malim

Kejohanan Olahraga MAKSAT 2024



Kuala Sepetang

Pembelajaran Berasaskan Lapangan Pupuk Kesedaran Alam Sekitar di Hutan Paya Laut Matang